

# Kepentingan selenggara kediaman kekal estetika

BERITA HARIAN (RENCANA) | 11 JAN 2016 M/S 28

**Rumah bersih berikan keselesaan, keceriaan penghuni bergenerasi**

Kediaman baharu tentu selesa diidami kerana elok, segar dan indah dipandang. Namun, ia bersifat semestara. Kediaman perlu diselegarkan khususnya apabila ia dimakan usia. Setiap penghuni impikan suasana yang selesa dalam kediaman. Suasana santai dan tenang boleh menjadikan kediaman sihat untuk diidami.

Kediaman adalah asas kepada kehidupan. Kediaman yang sihat berupaya memberikan keceriaan dan keselesaan terhadap penghuni. Jadi, bagaimana menyelenggarakan kediaman? Ia bermula dengan tindakan mudah dengan erti kata mengamalkan sikap menjaga kebersihan. Rumah yang berusia menunjukkan ia perlu dibaik pulih dan berada pada tahap kebersihan terbaik.

Justeru, beberapa perkara perlu dilihat bagi aktiviti penyelenggaraan kediaman iaitu pembersihan saluran air longkang, pengudaraan dalaman dan air keluar perlu diadakan, penyusunan ruang dalaman yang teratur dan baik pulih masalah tandas tersumbat.

Begitu juga dengan menghilangkan kekotoran luaran dan dalaman supaya kediaman nampak ceria, mencuci dan membersihkan permukaan lantai; mencuci bilik air supaya selamat dan bersih, menukar bahan binaan atau fabrik dalaman yang usang, menyelenggarakan pendawaian elektrik dan peralatan elektrik yang sudah rosak dan berisiko kejadian serta menyelenggarakan kebocoran atap dan alur atap.

## Penyelenggaraan panjang usia kediaman

Kerja-kerja penyelenggaraan itu perlu dilakukan dengan kerap dan berkala. Penyelenggaraan perlu dilakukan di semua ruang dalaman dan kawasan luaran kediaman terutama di halaman belakang kediaman. Amalan melakukan penyelenggaraan kediaman dapat memanjangkan usia kediaman dan berada dalam keadaan selesa dan selamat untuk diidami.

Ruang dalaman yang teratur susunan perabot menjadikan keselesaan penghuni. Ini dapat memudahkan pergerakan. Bilik tidur yang selesa dengan susun atur dapat merehatkan minda. Ruang tamu yang nyaman dengan aliran udara keluar masuk menjadikan sebagai ruang santai.

Bilik air ialah ruang yang sering digunakan. Kerja-kerja penyelenggra-



Laman hijau sebagai terapi beri ketenangan.

[GAMBAR HIASAN]



Kebersihan bilik air perlu dititikberatkan. [GAMBAR HIASAN]



Susun atur perabot kemas dan teratur mudahkan pergerakan.

raan di ruang ini dikategorikan sebagai ruang aplikasi teknikal. Keadaan bilik air yang lembap dan basah memberikan risiko tinggi untuk berlakunya kemalangan. Justeru, bagi memastikan bilik air selamat, ranganglah keperluannya dengan memastikan ia bersih dan segar. Kebersihan jubin dan mengadakan perlapis antigelincir adalah untuk menjamin keselamatan.

Selenggara pintu bilik air yang mungkin telah reput dan tidak selamat digunakan. Sistem perpaipan perlu diselenggarakan. Kerosakan pada paip, kebocoran saluran paip, sinki dan tandas tersumbat perlu dibuat dengan kerap. Selain itu tangki air perlu dibersihkan bagi menjamin tahap kebersihan.

Ruang dapur juga mengaplikasikan kerja-kerja teknikal yang mana ia perlu penyelenggaraan yang kerap. Kipas bantu air udara keluar masuk juga perlu diselenggarakan. Sistem perpaipan secara terus perlu diperiksa dan komponen-komponennya ditukar ganti apabila didapati berlakunya kebocoran dan kerosakan. Saluran air kotoran dapat perlu dibersihkan agar tidak tersumbat.

Jadikan setiap ruang berfungsi dan ia dibezakan dengan menampilkan warna berbeza, mungkin menggambarkan konsep atau mengaitkan kejangan dengan suasana tertentu. Pemilihan perabot memberi kesan penting dalam mempengaruhi tema dan estetika sesuatu ruang. Perabot lama walaupun berusia, ia boleh diserikan

dengan dibersihkan. Tidak semestinya mahal atau berekali bentuk mewah, asalkan sesuai dengan ruang, cantik dipandang serta kerap dijaga. Susun atau perabot supaya nampak kemas, teratur dan memudahkan pergerakan. Susun barang peribadi dengan teratur agar dalaman kediaman nampak kemas dan tidak berselerak.

## Rumah tambah seri

Kediaman yang diidami akan bertambah berseri selepas dicat. Gabungan nota warna menonjolkan kreativiti pemilik ruang. Mengelak sendiri atau mengupay orang membabitkan masa dan tenaga. Ia bergantung kepada kemampuan dan kos mengelak serta memerlukan kesabaran dan ketekunan.

Menuruk mentol lampu boleh mengubah suasana yang ceria bagi dalaman kediaman. Mungkin ia memerlukan perancangan kerana ia membabitkan perbelanjaan tambahan. Namun ada masanya penurunan menjadi suatu keperluan apabila penghuni rumah berasa kurang selesa dengan suasana pencahanayaan yang kurang terang pada waktu malam. Pencahanayaan yang terang menjadikan suasana ruang dalaman lebih menyelerah dan berseri.

Pengubahsuaian atau penyelenggaraan perlu mematuhi undang-undang dan keselamatan penghuni. Dapatkan nasihat pakar dan pekerja bertauliah bagi menjalankan kerja-kerja pendawaian semula dan pengubahsuaian dalaman.

Walaupun kediaman kecil, fungsi kehijauan pokok mengindahkan dan menyerlahkan nilai estetika. Pokok juga berperanan mengurangkan pencemaran bunyi yang mana gelombang bunyi boleh diserap oleh kepadatan daun. Pokok renek boleh digunakan sebagai penghadang untuk mengurangkan siluan ke dalam kediaman. Pokok berbunga yang mengeluarkan bau yang harum berfungsi terapi ketenangan jiwa. Penyelenggaraan dengan melakukan pemangkasan dahan-dahan pokok untuk mengekalkan kesegaran dan saiz

yang tidak mengganggu pergerakan penghuni di ruang kediaman.

Daya tarikan dan suasana tenang di muka pintu supaya ada dorongan untuk bersegera pulang ke rumah dengan menjadikan ruang tamu bersifat mesra untuk keluarga dan tamu serta bilik tidur yang selesa dan nyaman. Selain itu, Ruang makan segar dan membangkitkan selera makan, ruang dapur yang selesa dan selamat dari kemalangan, pencahanayaan setiap ruang kediaman membangkitkan suasana ceria. Bilik air yang bersih, perabot yang tersusun rapi dan memudahkan pergerakan, penataan cahaya yang mencerahkan aktiviti penghuni dan kebersihan luaran kediaman menjamin kesihatan yang baik.

## Kediaman bersih selesa lakukin ibadah

Kediaman yang sihat jaminan melakukam ibadah. Amalan doa dan zikir alam dan kalmah tahmid perlu dituturkan setiap kali membela rumah dan penghuni. Keindahan rumah adalah penghayatan, bukan pertunjukan. Laman segar mengamit kehadiran tetamu.

Kediaman yang bersih dan ceria menjadikan selesa jika menerima kunjungan tetamu. Laman hijau dan bauan pokok herba yang segar bukan sahaja berperanan sebagai terapi mata, tetapi sebagai hiasan ruang yang selesa bagi melakukan aktiviti riadah ringan.

Penyelenggaraan kediaman bukan sahaja menjamin kediaman berkeadaan baik, tetapi menyumbang kepada persekitaran komuniti setempat yang sihat. Selain penjimatan kos menyelenggara ia menjadikan kediaman mempunyai nilai estetika. Ia perlu dilakukan dengan mendidik pemilik kediaman supaya peka dan sedar mengenai kepentingan penyelenggaraan kediaman. Kediaman sihat memanfaatkan keluarga.



Penulis

ialah Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Malaysia PAHANG